

Pangkalan tentera Amerika tak perlu Mahathir

KUALA LUMPUR 6 Jan — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, Amerika Syarikat tidak perlu mewujudkan sebuah pangkalan tentera di rantau ini.

Bagaimanapun katanya, Malaysia tidak membantah jika Amerika mahu meneruskan rancangannya memindahkan kemudahan logistik tentera laut mereka ke Singapura.

"Apa yang kita tahu, mereka berhasrat untuk meningkatkan kemudahan membaiki dan menyenggara alat-alat kapal perang di situ dan bukannya membina sebuah pangkalan tentera seperti di Filipina," kata Perdana Menteri sebagai mengulas rancangan Amerika memindahkan pasukan logistik tentera lautnya dari Pangkalan Tentera Subic di Filipina ke Singapura.

Bercakap kepada para pemberita selepas merasmikan Projek 'Penilaian dan Analisis Pengurusan Berisiko' di Bank Negara di sini hari ini, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, tindakan Amerika itu tidaklah memmeranjatkan kerana Kerajaan Singapura sebelum ini sudah memaklumkan rancangan tersebut kepada Malaysia.

Bagaimanapun, apabila ditanya apakah reaksi kerajaan jika Amerika menaikkan taraf kemudahan itu kepada sebuah pangkalan tentera selepas ini, beliau menegaskan, pangkalan seperti itu tidak perlu diadakan di rantau ini.